


REVISI TINGKATAN 1 GEOGRAFI

1 Rajah berikut menunjukkan bentuk muka bumi pinggir laut.



(a) Namakan bentuk muka bumi berlabel P, Q, R dan S.

- P: Gua**
- Q: Gerbang laut**
- R: Batu tunggul**
- S: Teluk**

[4 markah]

(b) Berikan **dua** contoh lokasi bentuk muka bumi T di Malaysia.

- (i) Pulau Langkawi**
- (ii) Pulau Redang**
- \*Pulau Sipadan/ \* Pulau Sapi/ Pulau Tatagan**

(c) Nyatakan **dua** kepentingan kawasan pinggir laut di Malaysia.

- (i) Perikanan**
- (ii) Pelancongan**
- \* Perlombongan / \* Pelabuhan**

[2 markah]

(d) Keadaan pinggir laut dan pesisir pantai negara kita semakin terhakis akibat hakisan ombak.

Berikan cadangan untuk mengurangkan hakisan tersebut.

- (i) Menambak kawasan pinggir laut**
- (ii) Membina benteng atau tembok konkrit atau dari batu bata**


- \* Memasang cerucuk besi, konkrit atau pacakan kayu bakau di pinggir pantai**
- \* Meletakkan longgokan ketulan batu atau beg pasir**

[2 markah]

Hakisan Ombak




- batuan lembut
- ▨ batuan keras



Contoh: Desaru di Johor, Teluk Cempedak di Pahang, Tanjung Bungah di Pulau Pinang, Pulau Redang di Terengganu

Kepentingan Pinggir Laut


Kepentingan	Huraian	Contoh
Tapak pelabuhan	Kawasan terlindung daripada angin kencang	Pelabuhan Klang (Selangor) Pelabuhan Johor (Johor) Pelabuhan Bintulu (Sarawak)
Pembekal kayu bakau	Kawasan pinggir laut yang berpaya <b>membekalkan kayu bakau</b> . Kegunaan arang kayu, kayu api dan cerucuk bangunan.	Muara Sungai Perak (Perak) Muara Sungai Rajang (Sarawak)
Pelancongan	Kawasan pantai, teluk dan pulau yang mempunyai pemandangan yang indah dan menarik	Pantai Port Dickson (Negeri Sembilan) Pulau Redang (Terengganu)
Petempatan nelayan/ Perikanan	Kuala Besut (Terengganu) Pulau Pangkor (Perak) Sandakan (Sabah)	Mersing (Johor) Bachok (Kelantan) Kudat (Sabah)
Pembinaan rumah api	Tebing tinggi di kawasan pinggir laut	Tebing tinggi Kudat (Sabah)
Pelombongan petroleum dan gas asli	Kawasan persisiran pantai	Kerteh, Paka (Terengganu)



Langkah menggalakkan orang ramai melancong ke lokasi pinggir laut:

- Kerajaan menganjurkan sukan bertaraf antarabangsa di kawasan pinggir laut seperti perahu layar
- Kempen melawat dan mengenali pinggir laut
- Promosi yang menarik untuk menarik minat masyarakat melawat ke pinggir laut

2 Gambar berikut menunjukkan saliran utama di Malaysia.



(a) Berikan contoh bentuk pandang darat fizikal di sepanjang aliran sungai.

(i) Peringkat hulu sungai : Air terjun/ Lubang periuk/ Jeram

(ii) Peringkat tengah sungai: Susuh bukit berpanca/ Likuan sungai

(iii) Peringkat hilir sungai : Tasik ladam/ Tetambak/ Delta [3 markah]

(b) Apakah tasik buatan manusia yang terbesar di Asia Tenggara?

Tasik Kenyir

[1 markah]

(c) Namakan sungai berdasarkan pernyataan berikut.

Pernyataan	Sungai
(i) Sungai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia	<b>Sungai Pahang</b>
(ii) Sungai yang menjadi sempadan antarabangsa antara Malaysia dengan Thailand	<b>Sungai Golok</b>
(iii) Sungai yang terpanjang di Sabah	<b>Sungai Kinabatangan</b>
(iv) Sungai yang terpanjang di Sarawak	<b>Sungai Rajang</b>

[4 markah]

(d) Berikan **dua** kepentingan tasik di Malaysia.

- (i) **Membekalkan air domestik**
- (ii) **Rekreasi dan pelancongan**
- \* **Sumber protein**
- \* **Penjana kuasa hidroelektrik**


[2 markah]

**Kepentingan tasik kepada masyarakat:**


- Pusat pelancongan dan rekreasi
- Sumber air
- Habitat flora dan fauna
- Aktiviti menangkap ikan air tawar/ sumber protein kepada penduduk setempat
- Peluang pekerjaan, pemandu pelancong/ pekerja hotel

**Bentuk muka bumi di sepanjang aliran sungai**


Bentuk muka bumi di sepanjang aliran sungai		
Peringkat Hulu (muda)(A)	Peringkat Tengah (Dewasa) (B)	Peringkat Hilir (Tua)(C)
- lurah 'V' yang dalam dan sempit - Aliran deras (hakisan)	- lurah 'U' - isipadu air bertambah	- U yang lebar, landai dan rata, aliran perlahan - <b>pemendapan</b> berlaku
 Jeram	 Susuh bukit berpanca	 Likuan sungai dan tasik ladam
 Air Terjun	 Tebing tinggi sungai	 Tetambak dan dataran banjir
 Lubang Periuk	 Likuan sungai	 Delta



## Malaysia: Saliran - Lokasi Sungai dan Tasik Utama di Malaysia serta Kepentingannya



Taburan sungai dan tasik di Semenanjung Malaysia



Taburan sungai di Sabah dan Sarawak

### Kepentingan Saliran di Malaysia

Kepentingan	Contoh
Tapak tamadun awal	- Lembah Bujang di muara Sungai Merbok, Kedah
Pusat perdagangan awal	- Muara Sungai Melaka, Melaka
Sempadan antarabangsa	- Sungai Golok, antara Malaysia dan Thailand - Sungai Baram, antara Sarawak dan Brunei Darussalam
Sempadan negeri	- Sungai Bernam, antara Selangor dan Perak - Sungai Endau, antara Johor dan Pahang
Sumber air untuk kegunaan domestik dan industri	- Sungai Selangor dan Sungai Langat di Selangor - Sungai Muar di Johor
Sumber pengairan	- Sungai Muda – Projek Pengairan Muda - Sungai Kelantan – Projek Pengairan Kemubu
Sumber kuasa hidroelektrik	- Sungai Perak – Empangan Chenderoh dan Temegor - Sungai Terengganu – Empangan Kenyir - Sungai Rajang – Empangan Bakun dan Pelagus
Jalan air perhubungan/ Sumber ikan/ protein	- Sungai Rajang dimudiki ke bandar kapit - Sungai Kinabatangan [menghanyutkan kayu balak ke hilir sg] - Sungai Pahang
Tempat rekreasi	- Air Terjun Lombong di Kota Tinggi, Johor - Air Terjun Sekayu, di Terengganu

3 (a) Nyatakan jenis taburan penduduk berdasarkan pernyataan yang diberi.

Pernyataan	Taburan penduduk
(i) Banyak tertumpu di kawasan pertanian, pesisir pantai dan bandar kecil	<b>Penduduk sederhana</b>
(ii) Tertumpu di kawasan yang rata dan subur serta sesuai untuk pelbagai kegiatan ekonomi	<b>Penduduk padat</b>
(iii) Tertumpu di kawasan yang berhutan tebal dan kawasan tanah tinggi serta melibatkan kawasan pergunung-ganang dan pedalaman	<b>Penduduk jarang</b>

[3 markah]

(b) Nyatakan taburan penduduk di lokasi berikut.

Lokasi	Taburan penduduk
(i) Shah Alam	<b>Penduduk padat</b>
(ii) Mersing	<b>Penduduk sederhana</b>
(iii) Tasik Chini	<b>Penduduk jarang</b>

[3 markah]

(c) Apakah faktor ekonomi yang mempengaruhi taburan penduduk Malaysia?

- (i) **Pertanian**
- (ii) **Perlombongan**
- \* **Perikanan/ \* Perindustrian**

[2 markah]

(d) Berikan **dua** faktor governan yang mempengaruhi taburan penduduk Malaysia.

- (i) **Pembukaan bandar baharu**
- (ii) **Pembukaan tanah rancangan**
- \* **Pewartaan hutan simpan dan taman negara**

[2 markah]

**Faktor ekonomi yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia**

- F1 Perindustrian
- H1 taburan penduduk yang sangat padat kerana terdapat peluang pekerjaan yang banyak
- C1 Bayan Lepas di Pulau Pinang
- F2 Perlombongan
- H1 berpenduduk padat
- C1 Kerteh di Terengganu[ petroleum dan gas asli ]
- F3 Pertanian
- H1 mempengaruhi kepadatan penduduk
- C1 Dataran Kedah-Perlis[ tanah aluvium yang subur dan sesuai untuk penanaman padi sawah]
- F4 Perikanan
- C1 Semporna di Sabah berpenduduk sederhana padat kerana kegiatan perikanan pinggir pantai


**Dasar Kerajaan**

- Pembukaan bandar baru
- Tanah rancangan

- Pewartaan hutan simpan dan taman negara

Kepadatan penduduk	Kawasan	Contoh kawasan
<b>Padat</b> (>200 orang sekilometer persegi)  - Peluang pekerjaan tinggi, upah tinggi - Pembangunan bandar baharu - Tiada bencana alam (Pantai Timur-musim tengkujuh)	a. Kawasan dataran dan delta yang diliputi tanah jenis aluvium b. Bandar utama/ Ibu negara dan ibu negeri c. Kawasan perindustrian, pusat perniagaan, perdagangan, kewangan dan pelancongan d. Kawasan paling awal dibuka dan dibangunkan e. Bandar pengajian tinggi f. Pengangkutan perhubungan yang moden	- Dataran Kedah-Perlis - <b>Shah Alam</b> , Alor Setar - Kuala Lumpur, Ipoh, Kangar - Bayan Lepas, Shah Alam, Pasir Gudang, Ayer Keroh, Bangi, Petaling Jaya, Perai - Melaka, Lembah Kinta, Lembah Klang - Johor Bahru, Skudai, Sintok
<b>Sederhana</b> (50-200 orang sekilometer persegi) 	a. Getah, kelapa sawit dan nanas b. Kawasan perikanan dan perkampungan nelayan c. Kawasan rancangan kemajuan tanah Felda dan Felcra d. Bandar-bandar kecil di sepanjang pantai Sarawak dan Sabah, kawasan sumber mineral (perlombongan)	a. Kuala Pilah, Kluang-Pontian-Pekan Nanas. b. Tumpat, Mersing, Dungun, Tanjung Dawai, Tanjung Lumpur c. - <b>Segi Tiga Jengka</b> (Pahang) - <b>Kejora</b> (Johor Tenggara) - <b>Dara</b> (Pahang Tenggara) - <b>Ketengah</b> (Trgn) - <b>Kesedar</b> (Kelantan Selatan) - <b>Sahabat</b> (Sabah) d. Miri, Bintulu, Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Kerteh, Lutong.
<b>Jarang</b> (<50 orang sekilometer persegi) 	a. Kawasan pedalaman yang <b>bergunung-ganang, berhutan tebal</b> , terpencil dan mundur b. Pinggir laut dan tasik berpaya c. Bentuk muka bumi menyukarkan pembinaan petempatan dan kos pembinaan tinggi. d. Menyukarkan pergerakan penduduk	a. Pedalaman Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (Kawasan Hulu Kapit) b. Kawasan paya bakau dan paya air tawar di pinggir pantai c. Sekitar Tasik Bera dan Tasik Chini

4 Peta Malaysia berikut menunjukkan kawasan tanah tinggi di Malaysia.



(a) Namakan banjaran gunung berikut.

B1	Banjaran Titiwangsa	B3	Banjaran Trus Madi
B2	Banjaran Crocker	B4	Pergunungan Iran

[4 markah]

(b) Namakan gunung berikut.

G1	Gunung Korbu	_____
G2	Gunung Tahan	_____
G3	Gunung Kinabalu	_____

[3 markah]


(c) Apakah kepentingan bentuk muka bumi tanah tinggi?

- Pelancongan	_____
- Pertanian	_____
- Jana kuasa hidroelektrik	_____


[3 markah]

Pentingnya Kawasan Tanah Tinggi di Malaysia	
Kepentingan	Contoh
a. Sebagai kawasan <b>tadahan air</b>	- Sungai Selangor, Sungai Bernam dan Sungai Pahang berpunca dari Banjaran Titiwangsa
b. Sebagai <b>legeh sungai</b>	- Banjaran Bintang menjadi legeh bagi Sungai Perak dan Sungai Kinta - Banjaran Titiwangsa menjadi legeh bagi Sungai Bernam
c. Sebagai pusat <b>rekreasi</b> dan <b>peranginan</b> - udara segar, suhu yang sederhana dan pemandangan yang indah	- Tanah Tinggi Cameron, Bukit Fraser dan Tanah Tinggi Genting di Banjaran Titiwangsa, Pahang - Taman Negara di Banjaran Tahan, Pahang
d. Sebagai kawasan <b>pertanian</b> 18°C - beriklim sederhana -teh, sayur-sayuran dan buah-buahan (strawberi) hawa sederhana dan juga pelancongan	- Tahan Rata, Ringlet dan Brinchang di Tanah Tinggi Cameron, Pahang - Kundasang dan Ranau di Sabah
e. Sebagai tapak bina <b>empangan kuasa hidroelektrik</b> - Sungai yang beraliran deras	- Empangan Temengor, Chenderoh dan Kenering, Sungai Perak - Empangan Kenyir, Terengganu - Empangan Tenom Pangli, Sungai Padas Sabah
f. Sebagai <b>pembekal bahan binaan</b>	- Batu granit -pembinaan jalan raya - Batu kapur - industri membuat simen - Batu marmar -membuat jubin dan barangan perhiasan
g. Sebagai sumber <b>ekonomi</b> - membekalkan kayu balak, sarang burung dan tahi kelawar atau guano	- <b>Pembalakan</b> -Pahang, Terengganu dan Sabah - sarang burung dan kelawar (guano) di Gua Niah
h. Sebagai <b>tempat keagamaan</b> - gua-gua	- Batu Caves - agama Hindu - Gua Sam Poh di Perak - agama Buddha

## Kawasan Tanah Tinggi di Semenanjung Malaysia (Proses lipatan)



## Kawasan tanah tinggi di Sabah dan Sarawak



5 Foto 1 menunjukkan kawasan tanah pamah di Malaysia

(a) Senaraikan **lima** kepentingan kawasan tanah pamah di kawasan luar bandar.

- i. Tapak pembinaan kawasan petempatan
- ii. Tapak pertanian seperti penanaman padi, getah dan kelapa sawit
- iii. Pembinaan jalan raya dan lorong jalan kaki
- iv. Tapak pembinaan kemudahan sosial seperti tempat ibadat dan klinik kesihatan
- v. Tempat menjalankan kegiatan ekonomi seperti penternakan dan industri desa




Foto 1

(b) Namakan kawasan tanah pamah di Malaysia yang dijadikan tapak lapangan terbang antarabangsa.

- i. Bayan Lepas
- ii. Sepang
- iii. Senai
- iv. Kuching

[4 markah]

(c) Nyatakan kawasan tanah pamah yang subur di Malaysia yang dijadikan kawasan tanaman padi sawah.

- i. Dataran Kedah-Perlis
- ii. Dataran Kelantan
- iii. Delta Rajang

[3 markah]


**Kawasan tanah pamah di Malaysia berserta ciri kawasan**

- F1 Dataran Kelantan
- H1 Tanah pamah yang rendah dan rata
- H2 Tanah jenis aluvium
- C1 Kawasan subur untuk kegiatan pertanian
- F2 Delta Rajang
- H1 Membentuk lembangan yang luas di Pantai barat Sarawak
- H2 Kegiatan pertanian menjadi kegiatan utama
- C1 Mendapan daripada kejadian banjir
- F3 Dataran Pantai Timur Sabah
- H1 Kawasan tanah pamah lebih lebar
- H2 Banyak kawasan berpaya
- C1 Tanaman kelapa sawit, getah dan koko

Kepentingan Tanah Pamah		
Kepentingan	Huraian	Contoh
Pertanian	- Kawasan rata - <b>padi</b> .	- Dataran Keda-Perlis - Dataran Kelantan
	- Kawasan kaki bukit yang beralun dan bersaliran baik - <b>getah dan kelapa sawit</b> .	- Dataran Johor
Petempatan	- bandar-bandar utama kerana pelbagai kegiatan ekonomi seperti pertanian, perlombongan dan perindustrian.	- Johor Bahru (Johor) - Kuching (Sarawak) - Ipoh (Perak) - Sandakan (Sabah)
Perlombongan	- kaya dengan pelbagai sumber mineral seperti bijih timah, emas dan bauksit	- Perlombongan emas di Raub (Pahang) - Perlombongan bijih timah di Lembah Kinta (Perak)
Jaringan pengangkutan dan perhubungan	- Kawasan rata dan datar untuk perhubungan dan pengangkutan - <b>pembinaan jalan raya dan lapangan terbang</b> kerana kos pembinaan yang lebih rendah - tumpuan penduduk kerana mudah dihubungi.	- Lebuhraya Utara-Selatan - Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (Johor) - KLIA
Perindustrian dan perdagangan	- pertumbuhan bandar-bandar satelit seperti Bayan Lepas, Petaling Jaya dan Subang Jaya.	- Shah Alam (Selangor) - Perai (Pulau Pinang)

# BAHAGIAN C

Gambar berikut menunjukkan dua jenis petempatan di Malaysia.



A



B

(a) Namakan jenis petempatan A dan B.

[2 markah]

(b) Nyatakan ciri-ciri petempatan B.

[2 markah]

(c) Jelaskan fungsi petempatan A dari segi ekonomi.

[6 markah]

## Ciri-ciri Petempatan Bandar dan Luar Bandar yang terdapat di Malaysia

### Petempatan bandar

- (i) Kediaman bercorak moden
- (ii) Kemudahan asas yang lengkap
- (iii) Melebihi 10 000 orang
- (iv) Aktiviti ekonomi seperti pentadbiran, perkhidmatan, perindustrian dan perniagaan

### Petempatan luar bandar

- (i) Kediaman bercorak sederhana moden dan tradisional
- (ii) Kemudahan asas yang kurang lengkap
- (iii) Anggaran penduduk kurang daripada 10 000 orang
- (iv) Aktiviti ekonomi seperti perikanan, pertanian dan penternakan

(a)	<b>A: Petempatan bandar</b> <b>B: Petempatan luar bandar</b>
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jumlah penduduk kurang daripada 10 000 orang</li> <li>- Kemudahan asas yang kurang</li> <li>- Kawasan kediaman sederhana dan berciri tradisional</li> <li>- Kegiatan ekonomi terhad kepada sektor pertanian, industri desa dan penternakan</li> </ul>
(c)	<p><b>Bandar perindustrian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bandar yang mempunyai pelbagai kegiatan perindustrian</li> <li>- Penduduk bekerja dalam bidang pengeluaran, kejuruteraan dan teknikal</li> <li>- Contohnya, Shah Alam dan Perai</li> </ul> <p><b>Bandar pelabuhan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penduduk terlibat dalam sektor perkapalan dan penguatkuasaan maritim</li> <li>- Contohnya, Pasir Gudang, Johor, Klang, Selangor dan Georgetown, Pulau Pinang</li> </ul> <p><b>Bandar perlombongan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bandar yang berkembang akibat penerokaan sumber mineral</li> <li>- Menawarkan pelbagai peluang pekerjaan</li> <li>- Contohnya, bandar Bintulu dan Kerteh yang berfungsi sebagai bandar perlombongan petroleum dan gas asli</li> </ul>



## Fungsi Bandar-bandar utama

1.	Bandar pelabuhan perikanan	Kuala Terengganu, Lumut, Mersing, Tumpat, Bachok Pelabuhan Pasir Gudang (Johor) – import & eksport
2.	Bandar Satelit	Petaling Jaya, Kajang
3.	Bandar perlombongan	Miri, Lutong, Kerteh ( <b>Petroleum</b> ) Ipoh, Seremban ( <b>Bijih Timah</b> )
4.	Bandar perindustrian	Bayan Lepas, Petaling Jaya, Seremban, Sg.Way
5.	Bandar Pembalakan	Sandakan, Sabah
6.	Pusat pengajian	Kuala Lumpur (Pusat perniagaan /perdagangan), Bangi, PJ
7.	Pusat pentadbiran/negeri	Putrajaya/ ibu negeri setiap negeri maju dlm semua sektor
8.	Bandar-bandar Diraja	Arau (Perlis), Kuala Kangsar (Perak), Pekan (Pahang), Klang (Selangor), Seri Meranti (N. Sembilan), Bandar Maharani (Muar, Johor).
9.	Bandar pertahanan	Port Dickson, Sg. Besi ( <b>tentera darat</b> ) Lumut ( <b>kem tentera laut</b> )
10.	Bandar pelancongan	Bandar Melaka, Pulau Langkawi



# REVISI TINGKATAN 2 GEOGRAFI

1 (a) Lengkapkan jadual dengan jawapan yang betul berdasarkan rajah.

<b>Rajah</b>		
(i) Jenis pergerakan	<b>Putaran bumi</b>	<b>Peredaran bumi</b>
(ii) Arah pergerakan	<b>Arah lawan jam</b>	<b>Arah lawan jam</b>
(iii) Jangka masa	<b>24 jam / 1 hari</b>	<b>365 ¼ hari / 1 tahun</b>

[6 markah]

(b) Nyatakan **dua** kesan putaran bumi.

- (i) Kejadian siang dan malam
- (ii) Perbezaan waktu tempatan
- \* Pembiasan angin lazim / \* Kejadian pasang surut

[2 markah]

(c) Nyatakan **dua** kesan peredaran bumi.

- (i) Kejadian empat musim di kawasan beriklim sederhana
- (ii) Fenomena gerhana bulan dan gerhana matahari


[2 markah]

2 (a) Nyatakan ciri-ciri iklim di Malaysia.

<b>Ciri-ciri iklim di Malaysia</b>	(i) Min suhu tahunan: <b>27°C</b>
	(ii) Jumlah hujan tahunan: <b>2600mm</b>
	(iii) Julat suhu tahunan: <b>1°C-3°C</b>
	(iv) Keadaan iklim: <b>Panas dan lembap sepanjang tahun</b>


[4 markah]

(b) Namakan jenis hujan dalam rajah berikut.



[2 markah]

(c) Berdasarkan Peta 3, jawab soalan-soalan berikut.



Peta 3: SEMENANJUNG MALAYSIA

(i) Nyatakan sistem angin utama di Malaysia.

Angin X: **Angin Monsun Timur Laut**

Angin Y: **Angin Monsun Barat Daya**

[2 markah]

(ii) Kawasan P ialah kawasan paling lembap:

**Bukit Larut/ Taiping**


[1 markah]

(iii) Kawasan Q ialah kawasan paling kering:

**Daerah Kuala Pilah**

[1 markah]

Soalan 3 berdasarkan Peta 4 di bawah.



Peta 4: MALAYSIA

3 (a) Namakan lebuhraya yang bertanda 1 hingga 8.

1	Lebuhraya Utara-Selatan
2	Lebuhraya Persekutuan
3	Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak
4	Lebuhraya Pantai Timur
5	Lebuhraya Timur-Barat
6	Lebuhraya Kuala Krai-Gua Musang-Kuala Lipis
7	Lebuhraya Tun Razak
8	Lebuhraya Pan Borneo

[8 markah]

(b) Mengapakah jaringan jalan raya lebih padat di Semenanjung Malaysia berbanding dengan Sabah dan Sarawak?

**Kerana bentuk muka bumi yang lebih sesuai dan kebanyakan aktiviti ekonomi bertumpu di Semenanjung Malaysia**

[2 markah]

**Jaringan jalan raya lebih tertumpu di bahagian pantai barat Semenanjung Malaysia berbanding pantai timur Semenanjung Malaysia.**

F1 Bentuk muka bumi

H1 Bentuk muka bumi yang berhutun tebal dan bergunung-ganang menyukar pembinaan jaringan jalan raya

H2 Meningkatkan kos pembinaan jalan raya

F2 Taburan sumber

H1 Pantai barat Semenanjung Malaysia kaya dengan mineral bijih timah


H2 British menumpukan pembinaan jalan raya untuk ke pelabuhan

F3 Kepadatan penduduk

H1 Kepadatan yang tinggi mendorong kerajaan membina infrastruktur

H2 Perkembangan aktiviti perindustrian mempengaruhi kepadatan penduduk di sesuatu kawasan

Soalan 4 berdasarkan Rajah 5.



Rajah 5

4 (a) Apakah fenomena dalam rajah tersebut?

**Pulau haba bandar**

[1 markah]

(b) Nyatakan **empat** punca berlakunya fenomena tersebut.

- (i) Bangunan konkrit dan permukaan berturap
- (ii) Pelepasan asap dan haba oleh kenderaan
- (iii) Kekurangan tumbuh-tumbuhan
- (iv) Pembebasan bahan pencemar seperti debu dan habuk oleh kenderaan bermotor dan kilang

(c) Apakah kesan fenomena tersebut terhadap penduduk bandar?

**Menjejaskan keselesaan penduduk kerana suhu yang tinggi**

[1 markah]

(d) Jika anda seorang Pegawai Perancang Bandar, apakah langkah-langkah yang akan anda ambil untuk mengurangkan kesan fenomena tersebut?

- Menanam lebih banyak tumbuhan hijau supaya proses perpeluhan berlaku bagi menyederhanakan suhu
- Mengurangkan pembinaan bangunan bercermin supaya kurang bahang matahari yang diserap dan disimpan
- \* Berkongsi kereta supaya dapat mengurangkan kesesakan dan pelepasan asap dan haba yang tinggi oleh kenderaan

[4 markah]

**Pulau Haba**



Contoh :Petaling Jaya, Kuala Lumpur , Shah Alam

**Punca:**

Bangunan konkrit dibina rapat, jalan raya berturap (menyerap & memerangkap haba), kekurangan tumbuhan, pembakaran fosil, haba dan asap dari kenderaan, suhu meningkat dan terjadi

**Kesan:**

- a. Suhu bandar meningkat
- b. Badan cepat berpeluh
- c. Penggunaan elektrik dan kos sara hidup tinggi
- d. Kadar evaporasi rendah di kawasan bandar
- e. Suhu meningkat di pusat bandar
- f. Pencemaran udara di pusat bandar
- g. Bahan pencemar yang dibebaskan oleh kenderaan bermotor dan kilang memerangkap haba menyebabkan keselesaan penduduk terjejas di pusat bandar

## BAHAGIAN C

- 1 (a) Apakah yang anda faham tentang teknologi hijau? [2 markah]
- (b) Huraikan ciri-ciri yang ada pada produk teknologi hijau. [4 markah]
- (c) Terangkan kepentingan teknologi hijau dari aspek ekonomi yang telah anda pelajari. [4 markah]

(a)	<b>Teknologi hijau merujuk kepada pembangunan produk, peralatan dan sistem untuk memelihara dan memulihara alam sekitar serta sumber semula jadi.</b>
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Inovatif</li> <li>- Selamat</li> <li>- Bersesuaian</li> <li>- Menjimatkan</li> <li>* Mudah digunakan</li> <li>* Reka bentuk yang sesuai</li> <li>* Boleh dikitar semula</li> <li>* Meminimumkan kemerosotan alam sekitar</li> <li>* Pembebasan gas rumah hijau yang rendah</li> <li>* Menggalakkan sumber bahan yang boleh diperbaharui</li> </ul>
(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengurangkan kos operasi</li> <li>- Meningkatkan nilai aset dan keuntungan</li> <li>- Meningkatkan produktiviti dan kepuasan pekerja</li> <li>- Meneroka peluang mengeksport produk hijau yang telah kita hasilkan</li> <li>* Industri fotovoltla dapat menyumbang kepada pendapatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)</li> </ul>


### Konsep Teknologi Hijau

1. Konsep teknologi hijau bermaksud **pembangunan produk, peralatan dan sistem untuk memelihara dan memulihara alam sekitar serta sumber semula jadi.**
2. **Cara memulihara dan meminimumkan kesan buruk terhadap alam sekitar:**
  - a. Meningkatkan tahap kesihatan manusia;
  - b. Melindungi ekosistem semula jadi;
  - c. Mengurangkan kesan negatif kegiatan ekonomi manusia;
  - d. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi
3. **Ciri-ciri Produk Teknologi Hijau**  
Antara ciri-ciri teknologi hijau termasuklah:
  - a. Bahan boleh dikitar semula melalui amalan 5R dan tidak mencemarkan alam sekitar.
  - b. Menjimatkan penggunaan tenaga dan sumber bahan api
  - c. Gas rumah hijau dikawal dan kadar pembebasan gas rumah hijau adalah rendah atau sifar.
  - d. Reka bentuk kreatif/ berkualiti tinggi dan mesra pengguna.
  - e. Membekalkan tenaga elektrik berkuasa rendah di luar bandar
  - f. Menjana tenaga elektrik bagi kegunaan industri.

### Kepentingan Teknologi Hijau/ Pembangunan teknologi hijau memberi manfaat kepada kehidupan manusia sejagat

- Kualiti hidup rakyat meningkat
- Infrastruktur tempatan bertambah baik
- Pencemaran bunyi dikawal
- Pencemaran berkurangan
- Bersifat mesra alam memberikan banyak manfaat kepada kehidupan manusia sejagat
- Menjana keuntungan dari segi ekonomi
- Mengelakkan kebergantungan kepada tenaga yang berasaskan sumber semula jadi
- Teknologi hijau dapat memelihara dan memulihara alam sekitar

Soalan 2 berdasarkan Rajah 2.



Rajah 2

- 2 (a) Nyatakan **dua** fenomena cuaca yang mungkin berlaku di kawasan tersebut. [2 markah]
- (b) Apakah **tiga** kegiatan manusia yang menyebabkan kejadian fenomena cuaca yang dinyatakan? [3 markah]
- (c) Bagaimanakah fenomena cuaca tersebut mempengaruhi kehidupan penduduk di kawasan sekitarnya? [3 markah]
- (d) Cadangkan **dua** langkah yang boleh diambil untuk mengatasi kesan kejadian fenomena cuaca tersebut. [2 markah]

(a)	(i) Jerebu (ii) Hujan asid * Pulau haba
(b)	(i) Kegiatan perindustrian (ii) Pelepasan asap kenderaan (iii) Bangunan dibina secara rapat
(c)	- Menghadapi krisis bekalan air bersih - Masalah kesihatan seperti penyakit kulit dan masalah pernafasan - Mengganggu keselesaan hidup
(d)	(i) Menapis asap kilang sebelum dilepaskan ke udara (ii) Menggunakan pengangkutan awam

## HUJAN ASID

Oksida bercampur dengan wap air lalu membentuk asid nitrik dan asid sulfurik lemah

Asid lemah nilai pH <5.6



### Punca:

- asap kenderaan
- pembakaran terbuka
- pembakaran bahan api fosil
- asap dalam kilang

### Proses pembentukan hujan asid

- F1 Pembakaran bahan api fosil  
H1 Membebaskan gas sulfur dioksida, karbon dioksida dan nitrogen oksida yang banyak ke atmosfera  
C1 Pembakaran arang batu dan petroleum  
F2 Gas-gas ini terlarut  
H1 Gas ini terlarut dalam wap air  
H2 Menghasilkan asid sulfurik dan asid nitrik  
F3 Membentuk awan  
H1 Wap air yang mengandungi asid akan membentuk awan dan apabila terpeluwap  
H2 Hujan akan turun sebagai hujan asid

### Kesan:

#### Sisa bahan kimia

- Pencemaran air
- Hidupan air/akuatik dan tumbuhan dimusnahkan
- Menjejaskan kesihatan manusia
- Memusnahkan tanaman dan tumbuh-tumbuhan
- Melunturkan cat dan menghakis dinding bangunan
- Menyebabkan penyakit kulit dan mata
- Asap**(Pencemaran udara)
- Jerebu [mengehadkan jarak penglihatan]

### Langkah:

- Pemasangan penapis di cerobong asap di kilang-kilang
- Mengenakan hukuman penjara terhadap pemilik kilang melepaskan asap kilang tanpa mengendahkan kepentingan alam sekitar
- Menjalankan kempen kongsi kenderaan untuk mengurangkan pelepasan asap kenderaan